

18/08/1998

Muhyiddin: Cuaca bukan kerisauan

Lukman Salleh

MALAYSIA bersedia menghadapi apa juga kemungkinan, termasuk fenomena La Nina, bagi memastikan penganjuran Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI bulan depan, tidak terjejas.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata negara tuan rumah mempunyai rancangan untuk menghadapi keadaan cuaca tidak menentu itu dan tempoh kejohanan tidak akan dilanjutkan sekalipun mungkin ada penangguhan ataupun penjadualan semula acara akibat cuaca buruk.

"Ia adalah perkara biasa dan dalam beberapa kejohanan antarabangsa, ada acara terpaksa ditangguhkan kerana cuaca tidak menentu. Hakikatnya, ia bukan sesuatu yang merisaukan.

"Segala keputusan berhubung acara yang dilangsungkan akan dibuat Jawatankuasa Teknikal. Tempoh kejohanan akan kekal dan tidak dilanjutkan," kata Muhyiddin dalam sidang akhbar selepas majlis penerimaan kad pentauliah VIP pertama di Sungai Besi, semalam.

Fenomena La Nina menyebabkan banyak negara, termasuk Kuala Lumpur, dilanda hujan lebat dan keadaan cuaca itu diramalkan berterusan bulan depan.

Ini menyebabkan beberapa acara, terutama pertandingan di luar dewan seperti lumba basikal, bowling padang, olahraga, hoki, ragbi dan kriket, terpaksa berdepan kemungkinan itu, yang mungkin membawa kepada penangguhan ataupun penjadualan semula beberapa acara.

Lumba basikal sudah mengorak langkah berdepan kemungkinan hujan ketika Sukan Komanwel apabila melarang penggunaan tayar ringan.

Peringatan penggunaan tayar ringan sudah dimaklumkan secara rasmi oleh Ketua Delegasi Teknikal, Ray Godkin, kepada Kesatuan Lumba Basikal Antarabangsa (UCI).

Goodkin, yang juga Presiden Persekutuan Lumba Basikal Australia (ACF) dalam surat bertarikh 19 Jun lalu, mengingatkan pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Lumba Basikal Sukan Komanwel '98, Abu Samah Wahab, mengenai larangan itu.

"Jadual acara yang disusun untuk Sukan Komanwel juga sudah mengambil kira mengenai perkara ini," kata Muhyiddin.

Mengenai acara pembukaan untuk Kuala Lumpur '98, Muhyiddin berpuas hati dengan latihan serta persediaan yang dilakukan.

"Perdana Menteri sendiri akan menyaksikan raptai upacara pembukaan pada 20 Ogos ini. Manakala raptai penuh akan diadakan pada 6 dan 9 September," kata Muhyiddin yang menjau latihan upacara pembukaan itu di Stadium Nasional, kelmarin.

Terdahulu dalam majlis itu, Muhyiddin menjadi orang pertama menerima kad pentauliah daripada sejumlah 40,000 yang akan dikeluarkan, yang dikendalikan oleh Kodak.

Kodak turut menyerahkan kad pentauliah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali kepada Muhyiddin.

(END)